

**FAKTOR KESALAHAN BAHASA YANG
MEMPENGARUHI PELAJAR MELAYU DALAM
MEMPELAJARI BAHASA ARAB**

Ab. Halim Mohamad & Mohd Azidan Abdul Jabar

ABSTRAK

Kesalahan bahasa dalam kalangan pelajar yang mempelajari bahasa kedua berlaku disebabkan oleh faktor linguistik dan bukan linguistik. Kajian ini bertujuan menghurai punca berlakunya kesalahan bahasa dalam kalangan pelajar Melayu yang mempelajari bahasa Arab berdasarkan beberapa pandangan ahli linguistik barat. Data kasalahan di ambil daripada pendahuluan beberapa tesis pelajar tahun akhir jurusan bahasa Arab di Universiti Putra Malaysia. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kesalahan pelajar dapat dikategorikan kepada kesalahan disebabkan oleh beberapa faktor linguistik seperti pemindahan antara Bahasa, generalisasi melampau, membuat andaian yang salah terhadap konsep bahasa dan Kejahilan Terhadap Sekatan Peraturan Bahasa. Terdapat juga kesalahan yang berlaku disebabkan faktor bukan linguistik seperti Strategi Pembelajaran Bahasa Kedua dan Strategi Komunikasi Bahasa Kedua.

Kata kunci: kesalahan, bahasa kedua, faktor linguistik, faktor bukan linguistik

**FACTORS OF LANGUAGE ERRORS WHICH
AFFECT THE MALAY STUDENTS IN LEARNING ARABIC**

ABSTRACT

Language errors among the students which learn a second language occur due to the linguistic and non-linguistic factors. This study aims to describe the cause of the errors among the Malay students which learn the Arabic language based on some linguists view. The Data of the errors were taken from the thesis introductions of final-year students majoring in Arabic at the University Putra Malaysia. The results showed that the students' errors can be categorized into linguistic errors caused by several factors such as interlingual transfer, over-generalization, ignorance of rule restrictions and false

concepts hypothesized. There are also errors that occur due to non-linguistic factors such as Strategies of Second-Language Learning, Context of Learning, Strategies of Second-Language Communication.

Key Words: *error, second language, linguistic factor, non-linguistic factor*

PENDAHULUAN

Pembelajaran bahasa dipengaruhi oleh banyak faktor. Faktor-faktor itu boleh mempengaruhi kesalahan bahasa khususnya yang mempelajari bahasa kedua atau asing. Mengikut Brown (1987: 177-237), kesalahan pelajar dalam mempelajari bahasa asing atau bahasa kedua berpunca daripada empat sebab, iaitu pemindahan antara bahasa (*interlingual transfer*), pemindahan dalam satu bahasa (*intralingual transfer*), konteks pembelajaran (*context of learning*), dan strategi komunikasi (*communication strategies*).

Jack C. Richards dan Gloria P. Sampson (1974: 5-13) telah menyenaraikan tujuh faktor yang boleh mempengaruhi pelajar dalam mempelajari bahasa asing atau bahasa kedua, iaitu pemindahan bahasa (*language transfer*), pemindahan dari dalam satu bahasa (*intralingual*), situasi sosiolinguistik (*sociolinguistic situation*), perantaraan (*modality*), umur, rangkaian peraturan yang berdekatan (*successions of approximative systems*) dan hierarki kepayahan umum (*universal hierarchy of difficulties*).

Di tempat lain pula, Richards membahagikan punca kesalahan itu kepada tiga bahagian. Pertama, kesalahan antara bahasa yang disebabkan oleh gangguan bahasa ibunda (*interlingual errors*) (Richards 1974: 173,182). Kedua, kesalahan dalam satu bahasa (*intralingual errors*) yang disebabkan oleh kesalahan generalisasi (*faulty generalization*), pelaksanaan peraturan bahasa secara tidak sempurna (*incomplete application of rules*), kegagalan mempelajari keadaan untuk melaksanakan peraturan (*failure to learn conditions under which rules apply*). Ketiga, kesalahan perkembangan (*developmental errors*) yang disebabkan oleh generalisasi melampau, kejahilan terhadap sekatan peraturan (*ignorance of rule restriction*), pelaksanaan peraturan bahasa secara tidak sempurna dan salah andaian

terhadap konsep-konsep bahasa (*false concepts hypothesized*). (Richards 1974: 174)

Selinker memberi lima keadaan yang boleh menyebabkan berlakunya kesalahan antara bahasa (*interlanguage*) iaitu berhubung dengan pemindahan bahasa (*language transfer*), pemindahan latihan (*transfer of training*), strategi pembelajaran (*strategies of second-language learning*), strategi komunikasi (*strategies of second-language communication*) dan generalisasi melampau (*overgeneralization*). (Selinker 1976: 120)

D. A. Wilkins pula memberi tiga punca kesalahan, iaitu pemindahan dari bahasa ibunda (*transfer from mother-tongue*), tahap penguasaan tatabahasa dan generalisasi melampau (*grammatical level & overgeneralization*) serta sistem tatabahasa (*grammatical systems*). (Wilkins 1983: 199-201)

Beberapa punca kesalahan yang telah diberikan oleh ahli-ahli linguistik seperti yang telah diterangkan di atas agak berbeza dari segi penggunaan istilah tetapi mengandungi maksud yang sama. Contohnya antara *interlingual transfer* dengan *language transfer* dan *intralingual transfer* dengan *intralingual errors*. Istilah *context of learning* yang diberi oleh Brown mengandungi makna yang luas, dimana perkataan *context* merujuk kepada bilik darjah, bahan pengajaran dan konteks sosial. Ia juga merujuk kepada guru dan buku teks yang boleh menyebabkan pelajar melakukan kesalahan andaian tentang konsep bahasa. Punca kesalahan seperti ini dipanggil *false concepts* oleh Jack C. Richards dan *induced errors* oleh Stenson. (Brown 1987: 179)

Hamdi Qafishah menyatakan bahawa kesalahan pelajar adalah berpunca daripada punca-punca linguistik dan bukan linguistik. Antara punca bukan linguistik ialah teknik pengajaran, kesesuaian buku teks, umur pelajar dan sebagainya. Manakala punca linguistik pula ialah generalisasi melampau, kejahilan terhadap kaedah dan sekatan-sekatannya, pelaksanaan kaedah secara tidak sempurna dan membuat andaian-andaian yang salah. (Qafishah 1985: 100-101)

Ringkasnya, masalah kesalahan bahasa di kalangan pelajar-pelajar bahasa asing atau kedua tidak dapat lari daripada lapan punca. Pertama, pemindahan antara bahasa (*interlingual transfer*). Kedua,

generalisasi melampau (*over generalization*). Ketiga, kejahilan terhadap sekatan peraturan bahasa. Keempat, membuat andaian yang salah terhadap konsep bahasa (*false concepts hypothesized*). Kelima, konteks pembelajaran (*context of learning*). Keenam, strategi pembelajaran bahasa kedua (*strategies of second-language learning*). Ketujuh, strategi komunikasi bahasa kedua (*strategies of second-language communication*). Kelapan ialah hierarki kepayahan umum (*universal hierarchy of difficulties*). Kelapan-lapan punca itu akan dibincangkan secara ringkas seperti berikut:

i) Pemindahan Antara Bahasa (*Interlingual Transfer*)

Perbincangan mengenai gangguan (*interference*) atau pemindahan antara bahasa (*interlingual transfer*) mendapat perhatian dan perbincangan yang panjang lebar. Ini kerana sekalipun fenomena itu memang wujud, tetapi ia bukanlah satu-satunya punca kepada kepayahan pembelajaran.

Brown menyetujui kewujudan fenomena gangguan bahasa. Beliau telah menyatakan bahawa pada peringkat awal pembelajaran bahasa kedua banyak mempunyai ciri-ciri pemindahan bahasa ibunda (*language transfer*) atau gangguan bahasa (*interference*). Pada peringkat ini, sebelum pelajar dapat menguasai kaedah bahasa kedua, boleh dikatakan bahawa kaedah bahasa ibunda hanyalah satu-satunya kaedah yang lahir daripada pelajar. Oleh itu, terdapat kesalahan berpunca daripada pemindahan negatif antara bahasa. (Brown 1987: 177)

Dulay dan Burt, dalam analisis kesalahan bahasa di kalangan pelajar Sepanyol yang mempelajari bahasa Inggeris, mendapati bahawa 60% kesalahan adalah hasil daripada perkembangan biasa dalam pembelajaran bahasa, bukannya hasil daripada gangguan bahasa pertama. (Dulay & Burt 1974: 129-136). Richards pula menyatakan bahawa gangguan (*interference*) daripada bahasa ibunda merupakan punca kepayahan yang jelas dalam pembelajaran bahasa. Analisis kontrastif telah membuktikan tempat-tempat pemindahan antara bahasa atau gangguan. (Richards 1974: 172)

Sebagai sokongan kepada pandangan ini, Asmah ada menyatakan bahawa penghayatan bahasa pertama berlaku tanpa bersaing dengan peraturan-peraturan lain, sedangkan penghayatan bahasa kedua berlaku

apabila bahasa pertama sudah berakar. Dengan itu bahasa kedua mengalami kesilapan dan gangguan. (Asmah 1988: 11)

Mohamad Zain Mahmood dalam kajian Ph.dnya yang bertajuk “Sistem tatabahasa di antara bahasa Arab dan bahasa Melayu: Satu analisis perbandingan” telah membuat kesimpulan bahawa kepayahan yang dihadapi oleh pelajar disebabkan oleh jumlah perbezaan antara bahasa ibunda dengan bahasa asing. Ini kerana pemerolehan lakuan bahasa baharu (kedua) tidak berlaku tanpa dipengaruhi oleh lakuan bahasa yang telah diperolehinya sebelum ini. Struktur bahasa yang ada di dalam pemikiran pelajar mempengaruhi proses pembelajaran bahasa baharu tanpa sedar. Fenomena ini berlaku kepada pelajar Melayu yang mempelajari bahasa Arab (Muhammad Zayn Mahmud 1994: 473). Cuba kita perhatikan kepada kesalahan pelajar dalam jadual (1) di bawah ini:

Jadual 1: Contoh Kesalahan disebabkan
Interlingual Transfer

| Bil | Salah | Betul | Ulasan |
|-----|--------------------------------------------------------------|-------------------|------------------------------------------------------------|
| 1 | يعتمد إلى الشعر (dia bergantung kepada syair) | يعتمد على الشعر | Dalam BM menggunakan “kepada” |
| 2 | نشكر للوالدين (Kami bersyukur kepada kedua ibu bapa) | نشكر الوالدين | Terpengaruh dengan BM yang menggunakan “kepada” |
| 3 | يشعرون بالفخر (mereka merasa bangga) | يشعرون بالفخر | Terpengaruh dengan BM yang tidak menggunakan “dengan” |
| 4 | يتعلم في هناك (dia belajar di sana) | يتعلم هناك | Terpengaruh dengan BM yang tidak menggunakan “ di ” |
| 5 | هو يقف في الأمام الفصل (dia berdiri di hadapan kelas) | هو يقف أمام الفصل | Terpengaruh dengan BM yang tidak menggunakan “ di ” |

Kesalahan-kesalahan di atas jelas menunjukkan wujudnya pengaruh bahasa ibunda (gangguan bahasa pertama), dimana pelajar cuba membina ayat bahasa Arab berdasarkan struktur bahasa Melayu, seperti “bergantung kepada.../ merasa bangga/ belajar di sana...”. Sedangkan struktur bahasa Melayu dan bahasa Arab banyak

perbezaannya. Perbezaan inilah yang kadang-kadang menyukarkan proses pembelajaran pelajar dan menyebabkan mereka melakukan banyak kesalahan sekiranya mereka masih terikat dengan sistem dan kaedah bahasa Melayu.

ii) Generalisasi Melampau (*Over-Generalization*)

Generalisasi melampau mengikut definisi yang diberikan oleh Jobokovits ialah “*The use of previously available strategies in new situations ... In second language learning... some of the strategies will prove helpful in organising the facts about the second language, but others, perhaps due to superficial similarities, will be misleading and inapplicable*”. (Richards 1974: 174)

Menurut Hamdi, generalisasi melampau ini kadang-kadang berfaedah dan kadang-kadang menyesatkan. Fenomena ini merangkumi keadaan-keadaan yang dibawa oleh pelajar dengan struktur yang salah berasaskan pengalamannya bersama struktur bahasa yang dipelajarinya sebelum ini. Ia juga mencakupi penggunaan satu kaedah sebagai ganti daripada dua kaedah yang tersusun. Sebagai contoh, pelajar menggunakan bentuk kata kerja masa sekarang (*al-fi’l al-mudari’*) tanpa menggunakan “morfem” bersama semua ganti nama. Ini sudah tentu mengurangkan beban ke atas dirinya, tetapi ia menyesatkan (Qafishah 1985: 100). Di bawah ini diberikan beberapa contoh yang boleh dikaitkan dengan faktor ini.

Jadual 2: Contoh Kesalahan Disebabkan Oleh *Over-Generalization*

| Bil. | Ayat salah | Ayat betul | ulasan |
|------|---------------------|---------------------|---------------------------------------------------------------|
| 1 | هم يستعمل | هم يستعملون | Tidak memasukkan morfem “waw” dan “nun” menunjukkan ramai. |
| 2 | أن البصريين يتمسك | إن البصريين يتمسكون | Tidak memasukkan morfem “waw” dan “nun” menunjukkan ramai. |
| 3 | البصريون يأخذ الشعر | البصريون يأخذون.. | Tidak memasukkan morfem “waw” dan “nun” menunjukkan ramai. |
| 4 | هم لم يأخذ | هم لم يأخذوا | Tidak memasukkan morfem “waw” dan “nun” menunjukkan ramai. |
| 5 | هذا المراجع | هذه المراجع | Menggunakan “haza” untuk semua kata nama. |

Dalam jadual (2) di atas pelajar tidak memasukkan morfem yang sesuai ke dalam kata kerja supaya bersesuaian dengan subjek sebelumnya. Pelajar juga menggunakan “*haza*” kata tunjuk untuk semua kata nama. Pelajar secara mudah membina ayat tanpa memikirkan hubungan antara kata kerja dengan subjek. Ini sudah tentu suatu susunan yang salah, dimana pelajar tidak sepatutnya mengeneralisasikan kaedah yang telah dipelajari ke atas struktur ayat yang lain.

iii) Kejahilan Terhadap Sekatan Peraturan Bahasa (*Ignorance of Rule Restrictions*)

Kejahilan dan tidak menjaga kaedah atau peraturan serta sekatan-sekatan bahasa, atau perlaksanaan sesetengah kaedah dalam konteks yang tidak sesuai mempunyai kaitan dengan generalisasi melampau, dan mungkin boleh ditafsirkan sesetengah kesalahan seperti ini sebagai kesalahan *analogi* (Qafishah 1985: 175). Analogi merupakan faktor utama dalam kesalahan penggunaan preposisi, seperti *he said to me* menghasilkan **he asked to me* atau *we talked about it* menghasilkan **we discussed about it* (Richards 1974:175). Faktor ini berdasarkan pemerhatian pola bahasa yang sudah dipelajari, dimana pelajar membentuk bentuk-bentuk baru berdasarkan peraturan yang sudah dikuasai sebelumnya. (Asmah: 8). Di bawah ini diberikan beberapa contoh yang boleh dikaitkan dengan faktor ini.

Jadual3 : Contoh Kesalahan Kerana Tidak Memahami Peraturan Bahasa

| Bil | Salah | Betul | Ulasan |
|-----|-----------------------|-----------------------|-----------------------------------------|
| 1 | هؤلاء القلمون | هذه الأقلام | Tidak memahami hukum ta'nith dan tazkir |
| 2 | هؤلاء المدارس الذين | هذه المدارس التي | Tidak memahami hukum ta'nith dan tazkir |
| 3 | حول الطلاب الماليزيون | حول الطلاب الماليزيين | Tidak memahami kaedah frasa idafah |
| 4 | موقع الإعرابها | موقع إعرابها | Tidak memahami kaedah frasa idafah |
| 5 | خلاف المذهبي | الخلاف المذهبي | Tidak memahami kaedah frasa sifat |

Pelajar telah mempelajari kaedah bahawa untuk menunjukkan jamak (banyak/ramai) maka *wau* dan *nun* perlu ditambahkan pada sesuatu

perkataan. Begitu juga dengan kata hubung dan kata tunjuk, ia perlu disesuaikan dengan kata nama atau kata kerja sebelum dan selepasnya. Oleh sebab kejahilan mereka terhadap sekatan penggunaan dan kaedah-kaedah itu maka berlakulah kesalahan seperti dalam jadual 3 di atas.

iv) Membuat Andaian-Andaian Yang Salah Terhadap Konsep Bahasa (*False Concepts Hypothesized*)

Tahap kesalahan perkembangan (*class of developmental errors*) adalah lahir daripada andaian-andaian dan kefahaman yang salah terhadap asas-asas perbezaan dalam bahasa sasaran atau bahasa asing. Mungkin kesalahan itu disebabkan oleh kelemahan dalam menyusun tajuk-tajuk pelajaran atau lemah dalam penyampaian (Richards 1974:178). Sebagai contoh, kata sandang dalam bahasa Arab seperti كان /kana/ digunakan bersama kata kerja masa kini untuk menunjukkan masa lepas seperti: كان يقرأ /kana yaqra'u/ (dia-telah dia-sedang membaca) "dia telah membaca". Pelajar Melayu mungkin melakukan kesalahan apabila meletakkan kata kerja masa lampau selepasnya, seperti: كان قرأ /kana qara'a/ (dia-telah dia-telah membaca). Kesalahan seperti ini adalah disebabkan pelajar tidak memahami konsep kata sandang bahasa Arab dengan betul.

Contoh yang kedua ialah "يريد يقرأ" (dia mahu membaca). Mungkin ramai di kalangan pelajar mengandaikan bahawa struktur itu betul. Sebenarnya struktur itu adalah salah kerana tidak dimasukkan "an" di antara dua kata kerja. Struktur yang betulnya ialah "يريد أن يقرأ". Fenomena ini agak berbeza dengan bahasa Melayu, di mana ia tidak terdapat dalam bahasa Melayu. Andaian seperti inilah yang menyebabkan pelajar Melayu banyak melakukan kesalahan.

v) Konteks Pembelajaran (*Context of Learning*)

Brown mengaitkan konteks pembelajaran ini dengan bilik darjah, bahan pembelajaran dan guru ketika belajar di sekolah, dan konteks sociolinguistik (*sociolinguistic context*) ketika belajar secara persendirian. Pelajar banyak melakukan kesalahan disebabkan oleh penerangan salah yang diberikan oleh guru, atau menyediakan perkataan atau struktur di dalam buku dengan cara yang salah. Atau disebabkan oleh bentuk struktur yang dihafal atau dilatih tidak diletakkan dalam konteks ayat yang sesuai, seperti *point at* dan *point out*. (Brown 1987: 179-180). Ini berlaku dalam bahasa Arab seperti:

عمط bermaksud *درك* (lagginem), *ففي* (tamak), dan *اراد* bermaksud *رغب عن رغب* (mahu). Contoh lain seperti:

Jadual 4: Contoh Kesalahan Penggunaan Perkataan Dalam Konteks Ayat

| Bil | Salah | Betul | Ulasan |
|-----|-------------------------------------|-------------------------------|--------------------------------------------------------|
| 1 | لا بد على الطلاب ممارسة القراءة | لا بد على الطلاب من ممارسة.. | Tidak menggunakan “min” dalam konteks ayat yang betul. |
| 2 | واجب على الطلبة عن الممارسة القراءة | يجب على الطلبة ممارسة القراءة | Menggunakan “an” dalam konteks yang salah. |
| 3 | ما هذا اليوم؟ hari apa?” | أي يوم هذا اليوم؟ “hari | Mungkin kerana guru mengajar salah. |

Pemerolehan bahasa dalam konteks sosial pula membawa kepada kesalahan yang berlainan, ini kerana pemerolehan bahasa berlaku tanpa guru yang kadang-kadang disebabkan oleh pengaruh dan struktur dialek atau loghat yang dipanggil oleh Corder sebagai *idiosyncratic dialect*. (Brown 1987: 180). Contoh dalam bahasa Arab seperti *يا أخي* dan *يا إني* yang dilafazkan oleh orang asing yang tiada hubungan darah daging yang bererti “hai saudaraku dan hai anakku” untuk menggambarkan hubungan rapat dan keakraban. Begitu juga penggunaan perkataan *زوجة وعقيلة وإمرأة* yang bererti “isteri” tetapi dalam kontek social yang berbeza.

Menurut Richards, keadaan sosiolinguistik juga merupakan salah satu faktor kesalahan. Ini kerana ia mengandungi berbagai-bagai motivasi umum yang boleh mempengaruhi proses pembelajaran bahasa. Ahli psikolinguistik telah mengaitkan jenis pembelajaran bahasa yang dicapai dengan tugas bahasa dalam hubungannya dengan persepsi dan keperluan pelajar. (Richards & Sampson 1974: 7)

vi) Strategi Pembelajaran Bahasa Kedua (*Strategies of Second-Language Learning*)

Menurut Selinker (1976: 120), sekiranya kesalahan itu hasil daripada pendekatan yang boleh dibuktikan bahawa ia disebabkan oleh pelajar sendiri, maka kita boleh mengaitkannya dengan strategi pembelajaran bahasa kedua.

Strategi pembelajaran mengikut Brown (1987: 180) merangkumi penerimaan (*intake*), penghafalan (*memory*), penyimpanan (*storage*), dan pengembalian (*recall*). Di tempat lain beliau menyatakan bahawa strategi pembelajaran berkaitan dengan “*input*”, iaitu: pemerosesan (*procesing*), penyimpanan (*storage*), dan pengembalian (*retrieval*). (Brown 1987: 180)

Mempelbagaikan strategi pembelajaran seperti teknik pengulangan (*repetition/ imitation*), penghafalan (*memorization*), bercakap dengan diri sendiri (*talk to one-self*), mencari kesalahan dan memperbetulkannya adalah penting dan berguna dalam usaha mempertingkatkan pencapaian dalam pelajaran. Seperti kata Selinker (1976: 122): “*It cannot be doubted that various internal strategies on the part of the second-language learner affect to a large extent the surface structures of sentences underlying interlanguage utterances*”.

vii) Strategi Komunikasi Bahasa Kedua (*Strategies of Second-Language Communication*)

Menurut Selinker (1976: 120), sekiranya kesalahan itu hasil daripada pendekatan yang boleh dikenal pasti datang daripada pelajar dalam hubungan komunikasinya dengan penutur asli bahasa sasaran, maka kita boleh mengaitkannya dengan strategi komunikasi bahasa kedua.

Mengikut Brown (1987: 91), strategi komunikasi dapat dikaitkan dengan “*output*”, iaitu bagaimana kita melahirkan makna tentang sesuatu keadaan dalam bahasa, dan bagaimana kita bertindak terhadap apa yang kita tahu dan apa yang ingin diketahui. Strategi komunikasi merupakan salah satu punca kesalahan, kerana ia mencangkupi proses pemindahan antara bahasa (*interlingual*) dan pemindahan dalam satu bahasa (*intra lingual transfer*), dan konteks pembelajaran ketika mana pelajar cuba memindahkan berita kepada pendengar atau pembaca. (Brown 1987: 180)

viii) Hierarki Kepayahan Umum (*Universal Hierarchy of Difficulties*)

Faktor ini berkaitan dengan kepayahan yang tak dapat dipisahkan bagi seseorang terhadap fonologi, sintaksis, semantik dan struktur ayat. Sesetengah bentuk (*forms*) sememangnya payah untuk dipelajari, tanpa melihat kepada latar belakang pelajar. Sebagai contoh /v/ – /ð/ dan /f/

– /θ/ adalah susah untuk dibezakan, bukan sahaja bagi bukan penutur asli tetapi juga kepada penutur asli. (Richards & Sampson 1974: 13)

Kepayahan dalam mempelajari bahasa asing boleh dikaitkan dengan sistem tatabahasa yang berlainan antara bahasa pertama dengan bahasa kedua, gangguan dan pemindahan antara bahasa, dan sikap pelajar sendiri. Menurut Richards, “*What the learner finds difficult will also depend on the degree and nature of what he has acquired of the second language. His knowledge of the target language will form part of the data by which he infers the meaning of new elements*”.(Richards & Sampson 1974: 13)

Dalam bahasa Arab, kebanyakan pelajar asing yang mempelajari bahasa Arab banyak mengadu tentang kepayahan derivasi (*ishtiqaq*), alamat infleksi yang berbagai (*ta'addud al-i'rab*), dan perbezaan konjugasi (*tasrif*). Fenomena ini juga berlaku pada bahasa yang mempunyai ciri-ciri yang hampir sama dengan bahasa Arab, seperti bahasa keturunan Latin. Kepayahan seperti ini datangnya daripada bahasa itu sendiri.(Ishaq Muhammad al-Amin 1982: 53). Kepayahan nahu bahasa Arab yang merangkumi hukum i'rab (*raf'*, *nashb*, *jar* dan *jazm*) yang tiada dalam bahasa lain dan pelbagai bentuk frasa (*murakkab*) yang mempunyai kaedah yang tersendiri seperti murakkab idhafi, wasfi, isyari, mawsuli, mazji, jarri dan lain menjadikan bahasa ini agak susah untuk dipelajari.

KESIMPULAN

Kesalahan pelajar Melayu dalam bahasa Arab boleh dikaitkan dengan faktor bukan linguistik dan linguistik. Antara faktor bukan linguistik ialah kekurangan guru yang berpengalaman dan berpengkhurusan, penggunaan teknik pengajaran yang kurang berkesan, kelemahan kurikulum dan strategi pembelajaran yang kurang berkesan. Faktor linguistik pula ialah pemindahan negative, gangguan bahasa ibunda, kegagalan menguasai kaedah dan peraturan bahasa Arab, generalisasi melampau, kepayahan nahu bahasa Arab dan kejahilan terhadap sekatan peraturan bahasa Arab.

Mengenal pasti punca dan sebab kesalahan bahasa adalah sesuatu yang agak payah. Walau bagaimana pun, kita dapat mengenal pasti kesalahan bahasa Arab di kalangan pelajar Melayu melalui kajian perbandingan dan analisis kesalahan dan cuba membahagikannya

kepada sebab-sebab tertentu. Kajian-kajian seperti ini dapat membantu kita mengenal pasti tempat-tempat kesalahan yang sering dilakukan oleh pelajar. Selepas daripada itu, langkah-langkah pengajaran yang difikir berkesan perlu diambil. Antara teknik pengajaran yang peling berkesan ialah dengan mengemukakan banyak contoh yang berkaitan dengan tajuk yang diajar dan disertai dengan latihan amali yang berterusan.

RUJUKAN

- Asmah Hj Omar. Jan. (1988). Faktor psikolinguistik dan sosiolinguistik dalam pembelajaran dan pengajaran bahasa, ms 5-17 dlm *Dewan Bahasa*.
- Brown, H. Douglas. (1987). *Principles of language learning and teaching*. Ed. 2. New Jersey: Prentice-hall, Inc. & Englewood Cliffs.
- Dulay & Burt. (1974). Errors and strategies in child second language acquisition, *TESOL Quarterly* 8, ms. 129-136.
- Hamdi Qafishah. (1985). *Tahlil al-'akhta'*, dlm *Waq'a'i'u nadwat ta'lim al-lughah al-'Arabiyyah lighayr al-natiqina biha*, ms 95-114. Jil. 2. Riyad: Maktabat al-'Arabi li Duwal al-Khalij.
- Ishaq Muhammad al-Amin. (1982-1983). Mushkilat al-tadakhul al-lughawiyy fi ta'lim al-'Arabiyyah li ghayr al-natiqina biha: al-Aswat wa al-tarakib, dlm *Majallah Ma'had al-Lughah al-'Arabiyyah*, bil. 1, ms. 53. Saudi Arabia: Jami'ah Umm al-Qura.
- Jack C. Richards & Gloria P. Sampson. (1974). The study of learner English, dlm. Jack C. Richards (ed.), *Error analysis: Perspectives on second language acquisition*, ms. 3-18. London: Longman Group Ltd.
- Jack C. Richards (1974). Non-contrastive approach to error analysis, dlm. Jack C. Richards (ed.) *Error analysis: Perspectives on second language acquisition*, ms. 172-189. London: Longman Group Ltd.
- Muhammad Zain Mahmud. (1994). *al-Nizam al-nahw fi al-lughah al-'Arabiyyah wa al-Malayuwiyyah: Dirasah fi al-tahlil al-taqabuli*. Tesis Ph.D. Mesir: Universiti Iskandariah.
- Selinker, Larry. (1976). Interlanguage dalam John C. Shumann & Nancy Stenson (ed.) *New Frontiers in second language learning*, ms 114-136. Massachusetts USA: Newburry House Publishers, Inc.
- Wilkins, D.A. (1983). *Linguistics in language and teaching*. London: The English Language Book Society & Edward Arnold (Publishers) Ltd.

Ab. Halim Mohamad (Prof Madya. Dr)
Mohd Azidan Abdul Jabar (Prof. Madya. Dr)
Jabatan Bahasa Asing,
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
43400 Serdang, Selangor, Malaysia
E-mail: abhalim@upm.edu.